

From: Unit Komunikasi Korporat
Sent: Wednesday, May 30, 2018 8:23 AM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: Rezeki Ramadan Dikongsi Bersama



Unit Komunikasi Korporat
CORPORATE COMMUNICATION UNIT
Universiti Utara Malaysia

30 MEI 2018 / 14 RAMADAN 1439H
=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Seksyen Media dan Nabilah Muhammad Azizi
Gambar oleh: Inasis Bank Rakyat

REZEKI RAMADAN DIKONGSI BERSAMA



UUM ONLINE: Mengambil keberkatan bulan Ramadan ini, Biro Kebajikan dan Kemudahan (BKKEM) Inasis Bank Rakyat telah berkongsi rezeki bersama 30 kanak-kanak Pusat Jagaan Insan Kesayanganku dalam Majlis Iftar Permata Dunia Inasis Bank Rakyat, baru-baru ini.

Pengarah program, Nur Azmi Faiz Nordin berkata, pihaknya tidak mahu ketinggalan merebut amalan baik di bulan Ramadan itu juga dengan meraikan kanak-kanak berkenaan.

"Kami mahu mereka gembira diraikan walaupun dalam majlis berbuka puasa yang dianjurkan secara sederhana.

“Majlis seperti ini semestinya akan mengeratkan hubungan antara kedua pihak, malah kami sebagai pelajar dapat selami kisah kehidupan yang dilalui kanak-kanak ini juga dan pada masa sama memberi peluang kepada penghuni Inasis Bank Rakyat untuk terlibat dalam aktiviti kemasyarakatan,” katanya.

Majlis berbuka puasa itu turut disertai 50 pelajar termasuk Barisan Majlis Tertinggi Inasis Bank Rakyat serta Pemangku Pengetua Inasis Bank Rakyat, Sharina Samsudin.



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.